

DATE: 09/08/2007

Pastikan rakyat dapat manfaat pembangunan

PM mahu wakil rakyat, pegawai kerajaan muafakat jayakan projek

Oleh Ahmad Ghazali Musa
dan Rosli Abdul Jalil

KUANTAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu wakil rakyat dan pegawai kerajaan bermuafakat dalam memastikan setiap pembangunan yang dibawa kerajaan memberi manfaat penuh kepada rakyat pada peringkat akar umbi.

Malah, Perdana Menteri menegaskan, wakil rakyat dan pegawai kerajaan menjadi pemimpin barisan hadapan dalam menentukan kejayaan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan dinikmati setiap lapisan masyarakat.

"Barisan Nasional (BN) sedang berusaha membawa pembangunan di peringkat akar umbi dan dalam struktur gerak kerja BN, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) bergerak pada peringkat kampung.

"Mereka menjadi barisan hadapan untuk jayakan usaha kita. Namun, dalam menjayakan usaha ini, segigih mana pun wakil rakyat, mereka perlu bekerjasama dan bermuafakat dengan pegawai kerajaan pada peringkat daerah.

"Ini penting untuk pastikan kejayaan pembangunan di kampung dan projek yang dilaksanakan kerajaan sampai kepada rakyat. Jika ada muafakat, hasrat untuk menjayakan pembangunan akan tercapai.

"Pastinya rakyat akan terus memberi sokongan padu kepada BN," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Perhimpunan Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) negeri seluruh negara kali ke-2 di sini, semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Menteri Me-



AMANAT PENTING: Abdullah diiringi Adnan bersalaman dengan sebahagian Adun Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BBC) seluruh negara yang berkumpul di Kuantan, semalam.

laka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh dan lebih 300 Adun dari seluruh negara.

Abdullah berkata, peranan wakil rakyat dan pegawai kerajaan di barisan hadapan amat penting supaya setiap janji kerajaan kepada rakyat dapat ditunaikan.

"Kita tiada pilihan selain terus berusaha mempertingkatkan usaha pembangunan. Tingkatkan keupayaan kerja kita supaya faedahnya dapat dirasakan rakyat secara merata," katanya.

Beliau berkata, wakil rakyat dan pegawai kerajaan juga memainkan peranan dalam menghasilkan anjakan besar untuk mencapai pemba-

FAKTA NOMBOR

Jumlah kerusi pilihan raya

222

Kerusi Parlimen

576

Kerusi DUN

ngunan lebih pesat dan berkualiti di kawasan masing-masing.

"Kalau kita benar-benar gigih dan ikhlas kita akan memperoleh kejayaan lebih besar," katanya.

Perdana Menteri berkata, untuk tempoh 50 tahun akan datang, kerajaan perlu bekerja lebih keras, jika tidak mahu ketinggalan dengan negara lain yang bersaing menjadi lebih hebat.

"Dengan kerja keras itulah membolehkan kita meletakkan negara di barisan hadapan sebaris dengan negara maju lain. Percayalah keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab membolehkan kita mencapai hasrat murni itu," katanya.